



LATIH DIRI

Selesaikan masalah berikut.

- a Jadual menunjukkan bilangan penduduk di dua buah negeri pada tahun 2013. Hitung jumlah penduduk di dua buah negeri itu. Nyatakan jawapan dalam perpuluhan juta.

Negeri	Bilangan penduduk (orang)
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	1 732 000
Sabah	3 428 000

Sumber: http://www.ruralink.gov.my/c/document_library/get_file?uuid=edecc38f-c183-456d-b503-a32ab6afad6e&groupId=977333

- b Kilang P mengeluarkan 1.4 juta botol jus oren dan jus epal. Bilangan botol jus oren ialah 36 740 botol. Kira bilangan botol jus epal yang dihasilkan.
- c Kerajaan mengagihkan sejumlah RM3 000 000 wang ihsan kepada mangsa banjir di sebuah daerah. Sebanyak 3 000 keluarga menerima wang ihsan yang sama banyak. Hitung jumlah wang yang diterima oleh setiap keluarga itu. Beri jawapan dalam perpuluhan juta.
- d Stadium sukan terbesar di dunia, iaitu Rungrado May Day di Korea Utara dapat menampung sebanyak 0.15 juta orang penonton. Dalam suatu acara sukan, bilangan penonton dewasa adalah sama dengan bilangan penonton remaja. Hitung bilangan penonton dewasa itu.

Sumber: <http://www.arsenal4u.com/2012/09/artikel-10-stadium-sukan-terbesar-di-dunia/>

- e Kempen menanam pokok telah dilancarkan sejak tahun 2010 dengan tema "Hijaukan Bumi: Satu Warga Satu Pokok". Jumlah pokok yang ditanam pada tahun 2011 ialah 4 708 482, iaitu 1 046 727 kurang daripada tahun 2010 dan 195 798 kurang daripada tahun 2012. Hitung jumlah pokok yang ditanam pada tahun 2010 dan 2012.

Sumber: <http://www.forestry.gov.my/index.php/my/kempen-menanam-26-juta-pokok-2010-2014-3>

- f Sebanyak $6\frac{1}{8}$ juta pelancong melawat sebuah pulau peranginan sepanjang bulan Januari hingga April. Pada bulan Januari dan Februari, bilangan pelancong ialah $1\frac{3}{4}$ juta dan $1\frac{1}{2}$ juta orang. Bilangan pelancong pada bulan Mac adalah kurang daripada bulan Januari, tetapi lebih daripada bulan Februari. Berapakah bilangan pelancong yang mungkin pada bulan Mac dan April?

*gunakan simbol "/" pada jawapan.
contoh $6\frac{1}{8} = 6\frac{1}{8}$